

**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH  
PERSEKUTUAN 1982  
(AKTA 267)**

**KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) WILAYAH  
PERSEKUTUAN (TATACARA UNTUK PEMULANGAN  
CAJ PEMBANGUNAN) 2007**

**P.U.(A) 380/2007**

---

**SENARAI PINDAAN :**

<b>BIL.</b>	<b>NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)</b>	<b>TARIKH DIWARTAKAN</b>	<b>CATITAN</b>
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

**P.U. (A) 380.****AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982****KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN  
(TATACARA UNTUK PEMULANGAN CAJ PEMBANGUNAN) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 40 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*], Datuk Bandar, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Tatacara untuk Pemulangan Caj Pembangunan) 2007**.

**Permohonan untuk pemulangan caj pembangunan**

2. (1) Mana-mana orang yang telah membuat bayaran caj pembangunan menurut suatu perintah pembangunan yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar yang memberikan kebenaran perancangan untuk apa-apa pembangunan di bawah seksyen 22 Akta boleh, tertakluk kepada kaedah 4, memohon kepada Datuk Bandar untuk pemulangan caj pembangunan yang telah dibayar olehnya itu jika—

- (a) pembangunan itu tidak dimulakan kemudiannya; atau
- (b) permohonannya untuk menarik balik perintah pembangunan yang dikeluarkan untuk pembangunan itu telah diluluskan oleh Datuk Bandar.

(2) Sesuatu permohonan untuk pemulangan caj pembangunan hendaklah dibuat dalam tempoh enam tahun dari tarikh pengeluaran Borang B atau Borang D seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Bandaraya Kuala Lumpur 1979 [*P.U. (A) 88/1980*].

(3) Sesuatu permohonan untuk pemulangan caj pembangunan hendaklah dibuat oleh orang yang kepadanya kebenaran perancangan diberikan dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) resit asal pembayaran caj pembangunan;
- (b) perintah pembangunan asal bersama dengan pelan-pelan yang telah diluluskan dan apa-apa notis pelanjutan perintah pembangunan yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar; dan
- (c) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Datuk Bandar.

(4) Apa-apa caj pembangunan yang tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subkaedah (2) hendaklah terletak hak pada Datuk Bandar dan dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan hendaklah di bawah arahan dan kawalan Datuk Bandar.

**Keputusan Datuk Bandar**

3. (1) Datuk Bandar boleh, selepas menimbangkan permohonan itu, bersetuju atau enggan memulangkan caj pembangunan itu.

(2) Jumlah caj pembangunan yang boleh dipulangkan tidaklah termasuk bunga kecuali bunga yang dikenakan ke atas caj pembangunan yang dibayar secara ansuran.

**Hal jika caj pembangunan tidak boleh dipulangkan**

4. Jika suatu perintah pembangunan telah dikeluarkan oleh Datuk Bandar yang memberikan kebenaran perancangan untuk suatu pembangunan yang melibatkan pertukaran kegunaan tanah atau untuk suatu pembangunan yang melibatkan pertukaran zon kepadatan tetapi pembangunan itu tidak dimulakan kemudiannya, maka caj pembangunan yang dibayar untuk pembangunan itu tidaklah boleh dipulangkan.

Dibuat 19 Oktober 2007  
[JHEU2/14/86(CP); PN(PU<sup>2</sup>)396/IV]

DATO' AB. HAKIM BIN BORHAN  
*Datuk Bandar Kuala Lumpur*

Diluluskan 25 Oktober 2007  
[KWP(S): 24/907/1 Jld. 4; PN(PU<sup>2</sup>)396/IV]

DATO' SERI HJ. ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
*Menteri Wilayah Persekutuan*

**FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982****FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (PROCEDURE FOR  
THE REFUND OF DEVELOPMENT CHARGES) RULES 2007**

IN exercise of the powers conferred by section 40 of the Federal Territory (Planning) Act 1982 [Act 267], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, with the approval of the Minister, makes the following rules:

**Citation**

1. These rules may be cited as the **Federal Territory (Planning) (Procedure for the Refund of Development Charges) Rules 2007**.

**Application for the refund of development charge**

2. (1) Any person who has made a payment of a development charge in pursuance of a development order issued by the Commissioner granting planning permission for any development under section 22 of the Act may, subject to rule 4, apply to the Commissioner for the refund of the development charge paid by him if—

- (a) the development does not commence subsequently; or
- (b) his application for the withdrawal of the development order issued for the development has been approved by the Commissioner.

(2) An application for the refund of the development charge shall be made within a period of six years from the date of issue of Form B or Form D as provided in the City of Kuala Lumpur (Planning) (Development Charge) Rules 1979 [*P.U. (A) 88/1980*].

(3) An application for the refund of the development charge shall be made by the person to whom the planning permission is granted and shall be accompanied with—

- (a) the original receipt of the payment of the development charge;
- (b) the original development order together with the approved plans and any notice of extension of the development order issued by the Commissioner; and
- (c) any other documents as the Commissioner may require.

(4) Any development charge which has not been claimed within the period as stipulated under subrule (2) shall be vested in the Datuk Bandar and paid into and form part of the Local Authority Fund established under the Local Government Act 1976 [*Act 171*] and shall be under the direction and control of the Datuk Bandar.

**Decision of the Commissioner**

3. (1) The Commissioner may, after considering the application, agree or refuse to refund the development charge.

(2) The sum of development charge refundable shall not be inclusive of interest except interest imposed on the development charge paid by installments.

**Cases where development charge not refundable**

4. Where a development order issued by the Commissioner granting planning permission for a development involving change of use of land or development

involving change of density zoning but the development does not commence subsequently, the development charge paid for such development shall not be refundable.

Made 19 October 2007  
[JHEU2/14/86(CP); PN(PU<sup>2</sup>)396/IV]

DATO' AB. HAKIM BIN BORHAN  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*

Approved 25 October 2007  
[KWP(S): 24/907/1 Jld. 4; PN(PU<sup>2</sup>)396/IV]

DATO' SERI HJ. ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
*Minister of the Federal Territories*